



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 11 /2022

**“ALERT”**: Festival Kesenian Rakyat Kelate (FKRK) pada tahun ini membawa kelainan dengan pelbagai aktiviti dan program yang pastinya menarik selain memaparkan keunikan dan kekayaan seni budaya masyarakat Kelantan. Beberapa persembahan kebudayaan negeri Kelantan dilaksanakan dalam festival kali ini seperti persembahan Makyung Ekstravaganza Patuh Syariah bertajuk Raja Besar Maha Gading pada 17 Jun 2022 yang akan diketuai oleh Pak Yong Negara iaitu Rosnan Rahman bersama 50 orang penari dalam Tarian Mengadap Rebab, selain Persembahan Wayang Kulit, Pertandingan Dikir Barat, Pertandingan Wau Antarabangsa, Pesta Joran Antarabangsa dan banyak lagi.

## FKRK 2022 KEMBALIKAN KEMERIAHAN SENI BUDAYA KELANTAN

**18 Jun 2022, Kota Bharu** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menganjurkan Festival Kesenian Rakyat Kelate (FKRK) bagi tahun 2022 pada 16 Jun sehingga 18 Jun 2022 bertempat di Pantai Genting, Tumpat Kelantan. Acara yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat Kelantan pada setiap tahun ini, telah kembali seperti biasa dimana penganjuran kali ini diadakan secara fizikal sepenuhnya dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib. Bagi masyarakat Kelantan, apresiasi terhadap kesenian tidak menjurus kepada sesuatu musim tertentu sahaja. Aktiviti kesenian atau disebut ‘menne’ boleh dilihat dan dinikmati setiap hari kerana ia sentiasa dihidupkan dan menjadi rutin bagi masyarakatnya.

Namun, pada 2020 apabila wabak Covid-19 melanda negara, aktiviti kesenian mulai suram dan menjejaskan ramai penggiat seni tempatan yang

kebanyakannya memperoleh pendapatan sampingan melalui aktiviti kesenian, malah ada penggiat yang menjadikan kesenian sebagai sumber pendapatan utama, sangat terkesan dari sudut ekonominya.

Kini pada tahun 2022, dengan pelbagai inisiatif oleh kerajaan, aktiviti pelancongan domestik di Kelantan kembali rancak, aktiviti kesenian kembali menghiasi pentas-pentas acara. Memasuki tahun ke-5 penganjuran FKRK yang telah diadakan sejak tahun 2017 (termasuk penganjuran secara dalam talian pada 2021), JKKN kali ini bekerjasama dengan 36 jabatan dan agensi kerajaan peringkat persekutuan dan negeri serta 14 pertubuhan Badan Bukan Kerajaan bagi menjayakan FKRK 2022, yang berlangsung bermula 16 hingga 18 Julai 2022, bertempat di Pantai Geting Tumpat Kelantan.

Selain itu, bagi merencanakan kembali aktiviti kesenian di Kelantan dalam skala besar, penganjuran kali ini turut mendapat sokongan dan tajaan daripada 9 syarikat swasta iaitu MG Group of Companies, Makmur Gold, Ritz IT, 100 Plus, Adabi Consumer Industries, FR Kaseh Marketing Sdn. Bhd, WMD Store, Gegar FM dan Vita Gold Health Sdn Bhd sebagai penaja utama.

FKRK 2022 bermula pada 16 Jun 2022 (Khamis) dengan pengisian Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Karaoke Kencang GEGAR, dan pada sebelah malamnya diadakan ceramah agama Bicara Murabbi: Seni Menurut Perspektif Islam yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Rosli Bin Che Soh, dari Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

FKRK 2022 juga turut menyajikan pelbagai acara seni budaya untuk dinikmati pengunjung. Pada 17 Jun 2022 (Jumaat), persembahan Makyung Ekstravaganza Patuh Syariah bertajuk Raja Besar Maha Gading dan Wayang Kulit yang akan dipentaskan bermula jam 8.30 malam. Pertandingan lain yang turut diadakan sempena FKRK 2022 seperti *Battle Of The Bands*, Pertandingan Akhir Dikir Barat FKRK, Pertandingan Memasak "Jeliro Kelantan Bersama Adabi", Pertandingan Abe Kkate (Badan Cantik), Pertandingan Biri-Biri Jangok serta pelbagai permainan tradisional dan sukan rakyat turut diadakan.

Penggiat seni, pemuzik tradisional dan penyanyi tempatan Kelantan bergabung mengadakan persembahan Malam Gala FKRK pada 18 Jun 2022 dalam Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, Menteri Besar Kelantan.

Yang Berusaha Encik Norazam bin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), wakil rasmi Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) turut menyampaikan ucapan aluan pada Majlis Perasmian Festival Kesenian Rakyat Kelate 2022.

“Festival Kesenian Rakyat Kelate 2022 dianggarkan mampu menarik 30,000 pengunjung dari pelbagai peringkat masyarakat, dari dalam dan luar Kelantan. Festival ini telah membuka lebih banyak peluang kepada penggiat industri untuk mengetengahkan produk seni dan budaya dengan lebih meluas selain menggalakkan program kesenian tradisional dapat dipromosi dan dipopularkan ke luar negara” kata Norazam bin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam kenyataan hari ini.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](http://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya  
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Nur Ayzlinda Binti Abu Bakar, Pegawai Komunikasi Korporat Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan Tel: 09-741 7000 / 012-953 5300 Email: <a href="mailto:ayzlinda@jkkn.gov.my">ayzlinda@jkkn.gov.my</a>
--	---



**ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN  
FESTIVAL KESENIAN RAKYAT KELATE 2022  
18 JUN 2022 (SABTU) 8.30 MALAM  
PENTAS UTAMA, PANTAI GETING, TUMPAT, KELANTAN**

---

- 8.30 malam : Ketibaan orang ramai
- 8.35 malam : Ketibaan tetamu jemputan
- 8.45 malam : Ketibaan Bersama  
YBrs. Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
- : YB. Haji Wan Roslan bin Wan Hamat  
Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan NGO  
merangkap Adun Pengkalan Kubor
- : YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelancongan Seni, dan Budaya Malaysia (MOTAC)
- 8.50 malam : Ketibaan Bersama  
YB Mejar (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Abdul Rahman  
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat  
Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan, Kelantan
- : YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P  
Timbalan Menteri Pelancongan Seni, dan Budaya Malaysia (MOTAC)
- 9.00 malam : Ketibaan  
Yang Amat Berhormat  
Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob  
Menteri Besar, Kelantan
- : Nyanyian Lagu  
- Negaraku  
- Selamat Sultan
- : Ucapan Aluan oleh  
YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P  
Timbalan Menteri Pelancongan Seni, dan Budaya Malaysia (MOTAC)
- : Persembahan Selingan
- : Ucapan Perasmian oleh  
Yang Amat Berhormat  
Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob  
Menteri Besar, Kelantan

: Acara Pelancaran Festival Kesenian Rakyat Kelate 2022

: **PERSEMBAHAN MALAM GALA FKRK 2022**  
**Colour Of Malaysia, Kelantan**

: Majlis Penyampaian Hadiah dan Cenderamata

11.00 malam : Tetamu kehormat meninggalkan majlis